

**Dr M salahkan Cina yang tidak bersyukur dan Melayu tamak diatas prestasi buruk BN**  
**Malaysian Insider**  
**May 7,2013**  
**Oleh Zurairi AR**

PUTRAJAYA, 7 Mei — Tun Dr Mahathir Mohamad (gambar) mengatakan beliau terkejut dengan prestasi buruk Barisan Nasional (BN) dalam Pilihan Raya 2013 dan menyalahkan Cina yang "tidak bersyukur" dan Melayu "tamak".

Beliau mengatakan jelas berlaku "tsunami Cina," menggunakan perkataan Datuk Seri Najib Razak sebaik sahaja keputusan pilihan raya menunjukkan prestasi BN lebih buruk dari 2008. Dr Mahathir juga mengatakan Melayu "tamak" sebagai punca persembahan buruk BN.

"Kebanyakan daripada orang Cina menolak tangan persahabatan dari orang Melayu .. dan itu dinamakan 'tsunami'," kata Dr Mahathir dalam satu sidang akhbar di sini selepas Pilihan Raya 2013.

"Pada masa yang sama kita tak boleh kecualikan orang Melayu yang jadi tamak. Masing-masing nak kuasa tanpa mengambil kira cara mana. Kalau perlu jual bangsa pun mereka akan menjual bangsa."

Beliau menyalahkan ahli politik Melayu yang menggunakan pilihan raya untuk dipilih semula sebagai ahli Parlimen untuk kepentingan diri sendiri, berbanding sebagai cara untuk menubuhkan kerajaan dan membela kaum, agama dan tanah air.

Dr Mahathir juga menyalahkan DAP kerana menyemai kebencian terhadap Melayu dalam kempen mereka di Gelang Patah, yang kemudiannya tersebar ke masyarakat Cina di seluruh negara menyebabkan kekalahan BN.

Bekas perdana menteri itu juga melahirkan kebimbangan mengenai parti komponen BN MCA yang tidak mahu mengambil bahagian dalam jawatan di negeri dan Kabinet, yang beliau katakan sebagai tiada perwakilan Cina dalam kerajaan

"Apakah kita lupakan mereka terus atau kita cari calon lain?... Jika tiada wakil Cina, situasi menjadi tidak baik bagi kerajaan dan negara," katanya.

Beliau mendakwa menubuhkan parti berbilang kaum adalah mustahil dan gabungan parti dari kaum tertentu adalah terbaik untuk Malaysia, Dr Mahathir memberi amaran BN akan terpecah jika MCA keluar.

Pengerusi Barisan Nasional (BN) Datuk Seri Najib Razak telah menafikan keputusan pilihan raya menunjukkan jurang bandar-luar bandar dan mempertahankan Utusan Malaysia yang menyalahkan masyarakat Cina di atas persembahan tidak baik gabungan itu pada pilihan raya 5 Mei.

Penganalisis menyatakan walaupun terdapat peningkatan dalam sokongan kaum Cina terhadap Pakatan Rakyat (PR), tsunami politik juga telah melanda "sebahagian besar daripada Melayu", ramai di antara mereka adalah pengundi kelas menengah dan kelas atas.

Akan tetapi Utusan Malaysia, akhbar yang mewakili golongan kanan Melayu sebahagian besarnya bersekongkol dengan Tun Dr Mahathir Mohamad membuat keputusan untuk mengeluarkan beberapa artikel menyalahkan Cina kerana memecah belahkan Malaysia.

Muka hadapan akhbar milik Umno Utusan Malaysia hari ini mempersoalkan "Apa lagi Cina mahu? dalam langkah yang dilihat sebagai percubaan untuk mencorakkan keputusan Pilihan Raya 2013 sebagai undi Cina lawan undi Melayu.

Laporan muka hadapan Utusan Malaysia juga mencadangkan Najib akan berhadapan dengan kesukaran untuk menghadapi kumpulan berhaluan kanan dalam Umno yang memberikan sokongan kuat kepadanya dalam pilihan raya.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/dr-m-salahkan-cina-yang-tidak-bersyukur-dan-melayu-tamak-diatas-prestasi-buruk-bn/>